

Mesej Sembilan

**Misteri Gereja**

Bacaan Bible: Wahi 10:7; Roma 16:25; Ef. 1:5, 9, 11, 22-23; 3:3-11; 1 Kor. 6:17

- I. Efesus 3:3-11 mewahikan bahawa kita dapat mengalami dan menikmati Kristus yang merupakan misteri gereja.**
- II. Tujuan Tuhan yang tersembunyi ialah suatu misteri, dan penyingkapan misteri ini ialah pewahian; Bible berbicara tentang pewahian misteri—Roma 16:25; Ef. 3:3, 5:**
  - A. Misteri Kristus, iaitu gereja, tersembunyi dalam generasi-generasi lain tetapi telah diwahikan pada zaman Wasiat Baru—ay. 5.
  - B. Misteri ini tersembunyi dalam Tuhan sejak berzaman-zaman, tetapi kini, setelah dicayahai, percayawan Wasiat Baru dapat melihatnya—ay. 9.
  - C. Misteri Kristus telah diwahikan kepada para dutus dan penyabda dalam roh mereka melalui wahi—ay. 5:
    1. Wahi Wasiat Baru berkenaan Kristus dan gereja disingkapkan kepada para dutus dan penyabda menerusi roh pembauran sebagai sarana.
    2. Apabila roh kita berbaur dengan Roh divin, roh kita menjadi organ yang kepadanya misteri Kristus diwahikan—1 Kor. 6:17; Ef. 1:17; 3:5.
  - D. Jika kita ingin melihat pewahian misteri yang tersembunyi, kita perlu diperkuat ke dalam manusia dalaman, iaitu roh kita yang dilahirukan, dan membenarkan Kristus berumah dalam hati kita—ay. 14-17a.
  - E. Dalam Roma 16:25 dan 26, Paulus berbicara tentang pewahian misteri: “Pemberitaan tentang Yesus Kristus menurut pewahian misteri itu yang telah disimpan secara diam-diam sejak masa zaman-zaman tetapi kini telah dimanifestasikan.”
- III. Trompet ketujuh, sebagai penutup bagi ekonomi abadi Tuhan Tritunggal yang terproses, mengakhiri zaman misteri kini; oleh itu, Wahi 10:7 berkata, “Tergenaplah misteri Tuhan”:**
  - A. “Untuk memeterai visi dan penyabda” (Dan. 9:24c) bererti menutup zaman misteri, iaitu menggenapkan misteri Tuhan (Wahi 10:7; 1 Tim. 3:9).
  - B. Dalam kala zaman dari Adam hingga Musa dan dari Musa hingga Kristus, segala sesuatu adalah tersingkap, termanifestasi, dan tidak ada misteri.
  - C. Hal ini juga sama dalam kala zaman kingdom milenium dan di langit baru dan bumi baru—segala sesuatu akan disingkapkan dan tidak ada lagi misteri.
  - D. Kristus sendiri (Kol. 2:2), gereja (Ef. 3:4-6), kingdom syurga-syurga (Mat. 13:11), injil (Ef. 6:19), penghunian Kristus secara dalaman (Kol. 1:26-27), serta kebangkitan dan transfigurasi para pekudus yang akan datang sebagai pengakhiran kala zaman misteri ini (1 Kor. 15:51-52) semuanya merupakan misteri yang tersembunyi sejak masa zaman-zaman (Roma 16:25; Ef. 3:5; Kol. 1:26).
  - E. Semua misteri ini akan dilengkapkan, digenapkan, dan akan berakhir pada saat trompet ketujuh ditiup.
  - F. Ketika trompet ketujuh ditiup, bukan sahaja penghakiman kemurkaan Tuhan yang menimpa bumi, bahkan misteri Tuhan juga akan tergenap.
  - G. Dalam kala zaman dari inkarnasi Kristus hingga kingdom milenium—zaman gereja, zaman kurnia—segala sesuatu merupakan misteri:
    1. Inkarnasi Kristus, sebagai permulaan zaman misteri, merupakan suatu misteri—1 Tim. 3:16.
    2. Kristus ialah misteri Tuhan—Kol. 2:2.

Mesej Sembilan (sambungan)

3. Gereja ialah misteri Kristus—Ef. 3:4-6:
  - a. Kristus ialah suatu misteri; gereja yang merupakan Tubuh Kristus untuk mengekspresikan-Nya ialah misteri Kristus.
  - b. Kristus dan gereja menjadi satu roh; ini merupakan misteri agung—5:32; 1 Kor. 6:17.
  - c. Dalam zaman gereja, zaman misteri, Kristus sedang membina gereja untuk menjadi pengantin perempuan-Nya—Mat. 16:18; Ef. 4:16; Wahi 19:7-9.
4. Kingdom syurga-syurga, penghunian Kristus secara dalaman, serta kebangkitan dan transfigurasi para pekudus semuanya merupakan misteri—Mat. 13:11; Kol. 1:26-27; 1 Kor. 15:51-53.

**IV. Misteri gereja ialah misteri muktamad dalam alam semesta:**

- A. Gereja ialah misteri yang tersembunyi dalam ekonomi abadi Tuhan—Ef. 3:9-11:
  1. Misteri alam semesta ialah Tuhan, misteri Tuhan ialah Kristus, dan misteri Kristus ialah gereja—Kej. 1:1; Wahi 4:11; Kol. 2:2; Ef. 3:4.
  2. Menurut Efesus 3:4, gereja mempunyai satu gelaran yang khusus—*misteri Kristus*.
  3. Dalam zaman-zaman sebelum Wasiat Baru, misteri gereja tersembunyi daripada manusia; misteri gereja hanya diwahikan kepada para dutus dan percayawan dalam zaman Wasiat Baru—ay. 5; Kol. 1:26.
  4. Misteri gereja tersembunyi sejak keabadian lampau dan sepanjang masa Wasiat Lama, namun dalam Wasiat Baru, misteri gereja telah dimanifestasikan kepada semua percayawan dalam Kristus.
  5. Dalam Yerusalem Baru, Tuhan memperoleh ekspresi abadi dan ekspresi penuh pada manusia yang dicipta-Nya; hal ini merupakan misteri muktamad dalam alam semesta—misteri gereja—Ef. 5:32.
  6. Roh kita perlu menjadi kuat dan penuh dengan kearifan dan wahi agar kita dapat mengenali misteri gereja—1:17.
  7. Misteri Kristus dan misteri gereja adalah agung dan mendalam.
- B. Misteri agung—Kristus dan gereja—merupakan makna alam semesta dan makna kehidupan manusia—Wahi 4:11; Ef. 5:32:
  1. Tujuan Tuhan mencipta segala sesuatu, termasuk manusia, adalah supaya manusia dapat berbaur dengan Tuhan untuk menghasilkan gereja—Za. 12:1; Ef. 3:9.
  2. Hasrat hati Tuhan ialah memperoleh misteri Kristus—Tubuh Kristus sebagai pertambahan dan ekspresi Kristus—1:5, 9, 11, 22-23.
  3. Kehidupan Tubuh ialah kepuasan muktamad bagi pengalaman rohani kita—5:30.
  4. Ekonomi misteri yang tersembunyi dalam Tuhan sejak berzaman-zaman ialah misteri gereja sebagai Tubuh Kristus—3:9-10.
  5. Misteri Kristus dan misteri gereja harus menjadi kehidupan harian kita; tanpa misteri ini, kehidupan kita cuma kehidupan manusia, bukan kehidupan orang Kristian—ay. 4; 1 Tim. 3:15-16.